

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Akaun Semasa-i (Tawarruq) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)

Akaun Semasa-i (Tawarruq) ialah produk yang berlandaskan Syariah. Produk ini adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan penduduk tetap. **Akaun deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit.**

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah dan Hamish Jiddiyyah digabungkan dengan janji di bawah konsep Wa'd.

Di bawah kontrak Wakalah, pelanggan melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") sebagai dwi-ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah ("Komoditi") pada masa tertentu bagi pihak pelanggan. Pelanggan akan membeli Komoditi (melalui Bank sebagai ejen) daripada pembekal pada Harga Belian, kemudian menjual Komoditi tersebut (melalui Bank sebagai ejen) kepada Bank pada Harga Jualan secara Murabahah (kos tambah). Harga Jualan ini akan dibayar oleh Bank kepada pelanggan secara tertangguh.

Selepas itu, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasil tunai berkenaan akan dianggap sebagai penempatan deposit pelanggan. Pelanggan juga berhak untuk mengambil milikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Ilustrasi Pengiraan Akaun Semasa-i

Keuntungan Sebenar	=	Baki Penghujung Hari * KKE * n / 365 atau 366
	=	RM 1,000 * 2% * 30/365 = RM 1.64
Yang mana;		
Baki Penghujung Hari	=	Jumlah baki pada penghujung hari. Contoh: RM 1,000
KKE	=	Kadar Keuntungan Efektif yang akan dipaparkan oleh pihak Bank daripada semasa ke semasa. Contoh: 2%
n	=	Bilangan hari bagi bulan tersebut. Contoh: 30 hari untuk bulan dan 365 hari untuk tahun tersebut.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Segera hubungi kami jika anda menghadapi sebarang kesukaran untuk akses akaun anda.

Transaksi	Fi
1. Cek tidak laku - Kekurangan dana - Sebab-sebab teknikal dalam kawalan pembayar - Pemulangan cek tunda - Cek laku tertangguh	RM 100.00 RM 10.00 RM 10.00 RM 50.00 setiap cek ke atas item cek tertangguh sahaja.
2. Penutupan akaun bagi akaun yang dibuka kurang daripada 3 bulan (diminta oleh Pelanggan) - Caj Servis	RM 20.00 (bagi setiap akaun) atau baki yang tinggal, yang mana lebih kurang.
3. Pertunaian Cek Pihak Ketiga melalui kaunter	RM 2.00 (Caj servis)
4. Pengambilan buku cek	Caj kurier sebenar
5. Yuran servis setengah tahun (bagi baki purata kurang daripada RM1,000)	RM 10.00 bagi setiap setengah tahun dalam bulan Jun/Disember
6. Yuran Pengeluaran Kad Debit - Standard - Platinum	RM 8.00 RM 12.00
7. Yuran Tahunan Kad Debit	RM 12.00
8. Yuran Penggantian Kad Debit	RM 12.00
9. Pengeluaran buku cek - Duti Setem	RM1.00 bagi setiap helaian cek
10. Permintaan penyata akaun semasa (dicetak daripada sistem laporan Monarch COLD) - Caj Servis	RM10.00 bagi setiap permintaan (individu) RM20.00 bagi setiap permintaan (bukan individu)

*Fi dan caj seperti yang dinyatakan di atas adalah sebahagian daripada fi dan caj. Untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj, sila rujuk kepada www.muamalat.com.my → Fees and Charges → Deposit.

Nota Penting:

a) Bagi kanak-kanak di bawah lapan belas (18) tahun (minor), akaun tersebut mestilah dibuka dan dikendalikan oleh

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

- ibu bapa atau penjaga yang sah dengan mengemukakan Sijil Lahir/MyKid.
- b) Kad Debit akan dikeluarkan kepada akaun bersama di mana syaratnya adalah salah seorang yang menandatangani.
 - c) Kad Debit akan dikeluarkan kepada minor yang berumur 12 hingga 17 tahun tertakluk kepada kebenaran yang diterima daripada pihak ibu bapa/penjaga yang sah dengan akses terhad pada kad.
 - d) Kad Debit tidak akan dikeluarkan kepada entiti perniagaan kecuali kepada kepemilikan tunggal dan perlu ditandatangani oleh pemilik kepemilikan tunggal tersebut.

Jika anda berkehendak untuk membayar zakat melalui akaun ini, ini merupakan pilihan yang anda boleh pilih:-

Pengiraan Automatik dan Potongan Automatik ke atas Zakat Wang Simpanan bagi Pelanggan Muslim:

- a) Kemudahan yang mudah daripada pihak Bank untuk pendeposit Muslim yang layak untuk membayar zakat wang simpanan dengan kemudahan pengiraan automatik dan potongan automatik zakat wang simpanan daripada akaun simpanan/akaun semasa (ASAS) Pelanggan yang sedia ada di Bank.
- b) Potongan automatik zakat wang simpanan adalah berdasarkan formula pengiraan yang digunakan oleh pihak berkuasa Zakat negeri yang berkenaan.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko yang perlu diketahui?

Pelanggan akan mengalami risiko yang berkaitan dengan melaksanakan transaksi deposit, mengeluarkan cek atau menggunakan ATM untuk melaksanakan transaksi tersebut dengan mana-mana institusi perbankan.

4 TERMA UTAMA LAIN

- (a) Tiada baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam Akaun.
- (b) Akaun simpanan akan ditutup sekiranya pelanggan mengeluarkan kesemua baki wang di kaunter, meninggalkan baki kosong di dalam akaun simpanan atau pemimjam akan diberikan pertimbangan oleh pihak Bank kepada pelanggan selepas di beri peringatan.
- (c) *Pelanggan bagi produk Muamalat Kemudahan Tunai-i (MCash), yang mana akaun semasa adalah dihubungkan pada kemudahan MCash mengakui bahawa pihak Bank tidak akan membayar sebarang keuntungan bagi jumlah amaun deposit yang sedia ada di dalam akaun semasa Pelanggan.
*Nota: Hanya terpakai pada akaun semasa berasaskan Tawarruq.
- (d) Apabila akaun dianggap sebagai dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut tanpa sebarang caj dikenakan. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (pemegang akaun) dengan mendeposit atau pengeluaran di mana-mana cawangan Bank

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Semasa-i (Tawarruq), anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
Akaun Semasa-i (Tawarruq)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh: